

SENBINA TRADISIONAL MELAYU DI PERMATANG TOK JAYA.
FALSAFAH DAN PENGARUH TERHADAP MASYARAKAT SETEMPAT.

Kajian akhir ini telah dihantar kepada Jabatan
Senibina, Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi
syarat matapelajaran ARC 471 - HISTORY OF ARCHITECTURE
dan syarat untuk mendapatkan Diploma Senibina.

Kajian ini disediakan oleh :

Nama : AZMI BIN MANSOR

k/p I.T.M. : 84596070

Diploma Senibina,
Tahun 4, Semester 08,
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Sessi : Julai 88/89.

Kata Pengantar

Assalamualaikum,

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana akhirnya saya dapat menyiapkan kajian akhir ini. Kajian akhir ini adalah bagi memenuhi syarat kepada semua penuntut Diploma Senibina Tahun 4 Semester 08 yang merupakan semester terakhir untuk peringkat diploma di Jabatan Senibina, Perancangan dan Ukur, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam menyiapkan kajian akhir saya ini. Setinggi penghargaan saya hulurkan kepada pensyarah saya iaitu En. Abdul Ghani b. Mohd. Desa kerana telah bersusah payah maluangkan masa untuk memberi bimbingan, tunjukajar serta nasihat yang amat bernas kepada saya di sepanjang saya menyiapkan kajian saya ini.

Juga tidak dilupakan ucapan terima kasih saya kepada pihak Jabatan Muzium Negeri Pulau Pinang dan Perpustakaan Umum Pulau Pinang yang telah banyak memberikan risalah dan penerangan semasa membuat.

<u>KANDUNGAN</u>		M/S
BAB 1.0.	PENGENALAN	1
BAB 2.0	SEJARAH KEUJUDAN PERKAMPUNGAN PERMATANG TOK JAYA	3
BAB 3.0	RUPABENTUK FIZIKAL	12
3.1	Bahagian Tiang	12
3.2	Bahagian Badan Rumah	14
3.3	Bahagian Bumbung	19
BAB 4.0.	FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI RUPABENTUK	22
4.1	Iklim	22
4.2	Topografi	25
4.3.	Agama	25
BAB 5.0	RUMAH TRADISIONAL MELAYU	26
5.1.	Konsep Ruang	26
5.2	Sistem Rumah Melayu	29
5.3	Jenis-Jenis Rumah Melayu Di Permatang Tok Jaya	32
5.3.1	Rumah Perabung Panjang	35

1.0 PENGENALAN

Kita semua sedar dalam mencari Identiti senibina kita yang tersendiri memerlukan pengalaman-pengalaman serta pengetahuan yang luas mengenai cara hidup orang Melayu. Untuk itu, kajian yang akan saya buat ini adalah khusus untuk mengkaji sejarah senibina tradisional Melayu di Kampung Permatang Tok Jaya, masyarakat keseluruhannya dapat mengetahui bagaimanakah identiti senibina Melayu di situ dan apakah ciri-ciri utama dan istimewa yang terdapat padanya dan pengaruh senibina-senibina lain yang ada, di samping mengkaji hubungannya corak hidup masyarakat Melayu tempatan. Senibina tradisional Melayu di Kampung Permatang Tok Jaya khususnya mempunyai ciri-ciri yang tersendiri samada dari segi rupabentuknya ataupun perancangannya di dalam komuniti kampungan. Secara langsung ianya adalah dipengaruhi oleh corak kehidupan seharian penduduk tempatan yang kebanyakannya bekerja sebagai pesawah padi. Disebabkan inilah ujudnya 'Kampung Permatang.....' . Konsep perancangan rumah tradisional Melayu di Kampung Permatang Tok Jaya juga mempunyai keunikannya yang tersendiri, di mana ianya banyak dikaitkan dengan aspek-aspek kehidupan serta Keagamaan orang-orang Melayu.

Oleh itu penelitian yang rapi perlulah dibuat untuk mengetahui apakah keistimewaan yang terdapat di sebaliknya, kerana kita percaya bahawa orang Melayu Melayu kaya dengan falsafah-falsafahnya yang tersendiri di mana setiap sesuatu yang dibuat itu mesti ada alasan serta tujuannya. Hanya orang-orang yang tertentu sahaja dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang keujudan perkara-perkara ini.